

08/07/2003

Melayu disaran kuasai banyak bahasa

KUALA LUMPUR: Masyarakat Melayu perlu memberi keutamaan kepada penguasaan dua bahasa atau lebih, selain menitikberatkan aspek pendidikan, kata Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad.

Untuk tujuan itu, beliau meminta masyarakat Melayu mencontohi kejayaan cemerlang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dalam bidang pendidikan dan menguasai bahasa Inggeris sehingga membolehkan mereka berkomunikasi di peringkat antarabangsa.

"Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah mempunyai kemampuan menguasai dua bahasa dan yang lebih penting, mereka memberikan keutamaan kepada bidang pendidikan.

"Mereka mempunyai keluarga bahagia dan anak yang berjaya. Anak perempuan mereka, (Datin Paduka) Marina Mahathir seorang yang sangat pandai, berdiplomasi dan dihormati di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup Seminar Pemikiran Wanita: Menyelami Pemikiran Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini semalam.

Seminar sehari anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) itu dihadiri kira-kira 300 pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ia dirasmikan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob. Turut hadir, Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim.

Dr Siti Hasmah dan empat pelajar Kolej Raffles dan Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura, iaitu Aminuddin Baki, Abdul Wahab Arif, Mohd Noor Marahakim dan Abdullah Majid menubuhkan GPMS di Kuala Lumpur pada 1948.

Abdullah berkata, penguasaan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat Melayu amat penting kerana kebanyakan mereka kini tidak mempunyai kekuatan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Akibatnya, masyarakat Melayu, termasuk pelajar IPTA tidak mampu berkomunikasi dengan masyarakat asing.

Abdullah yang menyorot kembali sejarah beliau melanjutkan pengajian di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) berkata, meskipun sistem pendidikan kini melahirkan ramai graduan Melayu, kebanyakan mereka tidak mampu berbahasa Inggeris.

Ia menyebabkan negara kehilangan generasi Melayu yang mampu menguasai bahasa antarabangsa itu.

"Kita sekarang mempunyai terlalu ramai orang yang mempunyai ijazah tetapi kuasa untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris tidak ada. Orang

Melayu bukan bodoh tetapi mereka tidak ada kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris," katanya.

Abdullah berkata, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah adalah simbol masyarakat Melayu moden yang mampu berkomunikasi di peringkat antarabangsa

tetapi ia tidak bermakna sifat Melayu mereka berkurangan.

"Adakah Dr Mahathir, (Timbalan Perdana Menteri) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) Datuk Seri Rafidah Aziz kurang Melayu kerana mereka menguasai bahasa Inggeris" katanya.

Beliau berkata, bagi memperkukuh penguasaan pendidikan dan bahasa Inggeris, Melayu harus mengenali sejarah bagi mengelak mereka mudah lupa daratan.